

06 SEP 1998

Syed Hamid-Anwar

ANWAR DIMINTA TIDAK GUNA NGO UNTUK KEPENTINGAN DIRI

KOTA TINGGI, 6 Sept (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Syed Hamid Albar meminta bekas Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya tidak mempergunakan badan bukan kerajaan (NGO) dan parti pembangkang untuk kepentingan dirinya.

Katanya, Anwar perlu ingat bahawa beliau bukan lagi seorang aktivis masyarakat dan tidak mewakili sesiapa dalam kerajaan sebaliknya hanya dirinya sendiri.

"Ini satu perkara yang dia (Anwar) perlu sedar... saya nasihatkan supaya beliau bertenang dan memohon kepada Allah untuk mengeluarkannya daripada kesusahan yang sedang dihadapi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pemimpin bersama rakyat di Dewan Sekolah Menengah Air Tawar II, dekat sini, hari ini.

"Kita (parti) telah memberi peluang kepadanya untuk mengundur diri tetapi beliau enggan, oleh itu beliau perlu menghadapi kesannya (dipecat)," katanya.

Menurutnya, bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak perlu membakar perasaan rakyat dengan menceritakan hanya separuh kebenaran berhubung dakwaan-dakwaan ke atas beliau serta mempertikaikan sistem keadilan dan kerajaan dalam ucapan dan ceramahnya.

"Apakah dia tidak sayang kepada kerajaan atau parti Umno yang telah memberikan tempat dan kedudukan yang begitu tinggi kepada beliau?" katanya.

Syed Hamid yang juga Menteri Pertahanan berkata, dakwaan Anwar bahawa beliau telah dianiaya oleh "pihak-pihak" tertentu tidak berbangkit langsung kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat keputusan itu berdasarkan fakta-fakta yang turut diketahui umum.

Menurutnya, Dr Mahathir perlu bertindak pantas bagi memastikan negara dan Umno terselamat serta dapat memulihkan keadaan ekonomi sebelum rakyat hilang keyakinan kepada kepimpinan negara.

Beliau juga menasihatkan agar Anwar mengutamakan kepentingan negara dan menyerahkan segala dakwaan dan tohmahan yang dihadapinya itu untuk diselesaikan mengikut undang-undang dan prosedur mahkamah.

"Biarlah kes beliau diselesaikan oleh mahkamah mengikut sistem keadilan...kalau dia (Anwar) benar, satu hari kebenaran itu akan berjaya tetapi bukan kita untuk membuat penghukuman kerana kita bukan mahkamah dan parti politik juga bukan mahkamah," tambahnya.

Terdahulu itu, dalam ucapannya Syed Hamid meminta rakyat agar tidak memperbesar-besarkan isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri itu dengan menokok tambahkan cerita-cerita yang tidak betul.

"Tidak usahlah kita bercerita, sebaliknya kita perlu berpegang kepada fakta dan biarlah mahkamah yang menyelesaikannya mengikut sistem keadilan yang ada," katanya.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir sebenarnya sangat sayangkan Anwar kerana Anwar merupakan anak didik beliau dan Perdana Menteri telah memberi pendedahan yang seluas-luasnya kepada bekas timbalannya itu.

-- BERNAMA

RAM KHY